



ABSTRAK

Kajian Pelan Induk Landskap (PIL) merupakan salah satu program Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9) bertujuan menyediakan pelan induk pihak berkuasa Lembaga Kemajuan Bintulu. Pelan Induk Landskap adalah satu pelan tindakan jangka masa panjang bagi tempoh sepuluh (10) tahun yang komprehensif dari aspek pembangunan dan pengurusan landskap termasuk kawasan lapang, taman-taman awam dan kawasan rekreasi. Penyediaan dan pelaksanaan pelan ini dibuat untuk mewujudkan kesedaran, pengetahuan serta keperluan tanggungjawab bagi semua pihak yang berkepentingan. Pelan Induk Landskap ini akan menjadi agenda pembangunan dan garis panduan landskap dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan khususnya Lembaga Kemajuan Bintulu. Di dalam menyediakan Pelan Induk Landskap ini terdapat empat (4) peringkat laporan yang disediakan iaitu Laporan Awal, Laporan Teknikal, Laporan Konsep dan Laporan Pelan Induk. Laporan Awal mengandungi penemuan-penemuan awal hasil perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan dan penyiasatan awalan di tapak kajian. Laporan teknikal kemudiannya dibuat bagi mendalami dan memahami segenap aspek fizikal tapak berkaitan masalah dan potensi tapak. Ia bermula dengan metodologi kajian, pembentukan pangkalan data inventori, kajian lapangan, isu dan masalah berbangkit termasuk segala penemuan awal. Di peringkat ini data-data primer dan sekunder dikutip melalui beberapa siri lawatan kajian secara langsung di tapak dan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan. Hasil kajian peringkat awalan dan teknikal seterusnya digunakan untuk membentuk konsep yang bersesuaian dengan tapak. Akhirnya sebuah laporan akhir iaitu Laporan Pelan Induk Landskap dibentuk yang merupakan gabungan komprehensif laporan awal, laporan teknikal, laporan konsep dan pelan induk yang mengandungi pelan-pelan cadangan dan pelaksanaan termasuk manual pengurusan landskap yang bersesuaian dihasilkan. Pelan Induk ini juga berteraskan kepada Program Transformasi Ekonomi (GTP), Model Ekonomi Baru (MEB), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA). Berdasarkan kepada siri kajian yang mempertimbangkan isu-isu semasa, masalah dan potensi yang berkaitan maka pembentukan konsep yang jelas dan berkesan bertujuan mewujudkan keseragaman serta menonjolkan karektor dan identiti Bintulu yang tersendiri telah dibentuk. Konsep rekabentuk dan cadangan pembangunan yang digariskan adalah berdasarkan kepada konsep bertemakan 'Bintulu Bandaraya Perindustrian Mesra-Bandaraya Pilihan' yang penggunaannya diterapkan di peringkat pembentukan dan pelaksanaan pelan induk ini. Kepelbagaian potensi Bintulu yang bakal berkembang menjadi sebuah bandaraya industri telah diambilkira dan digariskan dalam bentuk cadangan pembangunan dan rekabentuk berasaskan kepada konsep tersebut. Pelan Induk Landskap ini menjelaskan secara terperinci cadangan dan hasrat pembangunan landskap Bintulu dengan kerjasama pihak Jabatan Landskap Negara dan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA). Kepentingan Pelan Induk Landskap ini dapat dilihat daripada beberapa sudut seperti berikut:

- Sebagai garis panduan dan kawalan kepada perancangan dan program landskap bandaraya Bintulu dan Bahagian Bintulu amnya;
- Menjadi asas kepada anggaran kos dan perbelanjaan bagi program dan pembangunan landskap untuk jangkamasa 10 tahun akan datang;
- Kegunaan di Pihak BDA dalam merangka dan menjana program bersesuaian termasuk anggaran keperluan kewangan;
- Menjadi rujukan dan panduan masyarakat awam, pemaju, agensi swasta dan pihak lain berkepentingan dalam memelihara kawasan sekitar ataupun kawasan pembangunan baru.
- Menjadikan Pelan Induk Landskap Bintulu sebagai kertas kerja yang akan digunakan dalam merencana pembangunan landskap masa hadapan.
- Menjadi dokumen sokongan sebagai justifikasi di dalam memohon peruntukan dari kerajaan persekutuan atau negeri untuk melaksanakan pembangunan dan juga pengurusan persekitaran.

Pematuhan kepada garis panduan dan strategi-strategi yang telah dibuat untuk kegunaan dalam tempoh jangkamasa 10 tahun akan datang ini serta kerjasama dari pelbagai pihak berkuasa yang berkaitan adalah amat penting di dalam menjayakan program-program dan cadangan-cadangan landskap yang telah digariskan dalam dokumen ini. Dokumen Kajian Pelan Induk Landskap ini hendaklah menjadi bahan rujukan yang perlu dipatuhi dan digunapakai oleh semua pihak yang terlibat dalam industri landskap dan alam sekitar agar identiti bandaraya Bintulu berjaya ditonjolkan dengan jelas dan seterusnya memberikan impak yang istimewa kepada pengunjung dan pelancong. Selain daripada itu, landskap dan alam sekitar yang terancang mampu memberi keselesaan dan menjadi kebanggaan masyarakat setempat seterusnya objektif ke arah 'Bintulu Bandaraya Perindustrian Mesra - Bandaraya Pilihan' dapat direalisasikan. Di antara kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti dapat memberi impak dan sumbangan yang besar dalam merealisasikan hasrat ini ialah:

- Perlandskapan Kawasan Perbandaran;
- Perlandskapan Kawasan Institusi;
- Perlandskapan Jalan Utama dan Pintu Masuk;
- Peningkatan dan penaikan taraf Kawasan Lapang, Taman dan Rekreasi
- Penaikan taraf Kawasan Pelancongan sedia ada;
- Peningkatan dan penaikan taraf Kawasan Perindustrian
- Peningkatan dan penaikan taraf Kawasan Perumahan



Pemandangan kawasan bandar Bintulu berhampiran Sungai Batang Kemena